

PEMBAYARAN ZAKAT MELALUI PERKHIDMATAN MAYBANK2U (INTERNET)


Keputusan :

1. Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA)Negeri Selangor telah membuat keputusan bahawa hukum pembayaran zakat melalui perkhidmatan Maybank 2U (INTERNET) adalah **harus**.
2. Kaedah pembayaran zakat dengan cara ini adalah terhad kerana zakat harta sahaja tidak termasuk zakat fitrah.
3. Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor juga memutuskan bahawa pihak Maybank yang menjalankan perkhidmatan Maybank 2U (INTERNET) tidak dikira sebagai amil zakat.
4. Keputusan ini adalah berdasarkan hujah-hujah seperti berikut :
 1. Pengenalan perkhidmatan Maybank2U
Secara ringkasnya perkhidmatan ini adalah satu perkhidmatan yang ditawarkan kepada para pemegang akaun maybank yang mempunyai kemudahan internet. Melalui perkhidmatan ini, para pelanggan hanya perlu melayari laman web Maybank2U untuk melaksanakan pembayaran zakat.
Sebaik saja bayaran system perkhidmatan Maybank2U akan mendebitkan akaun para pelanggan.
 2. Pembayaran zakat melalui system Maybank2U dirasakan menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak iaitu penyertaan niat sewaktu pembayaran sudah semestinya menyertakan niat untuk membayar zakat sewaktu menekan butang komputer yang menunjukkan bahawa ia bersetuju untuk membayar zakat.
 3. Ketiadaan lafaz niat tersebut tidaklah memberi apa-apa kesan terhadap sahnya pembayaran tersebut kerana itifaq ulama' menyatakan bahawa niat itu letaknya di hati.

4. Ketiadaan lafaz aqad dari pembayar juga tidak memberi apa-apa kesan terhadap sahnya pembayaran zakat tersebut kerana aqad di dalam pembayaran zakat adalah perkara sunat sahaja.


Walaupun begitu pihak Maybank tetap akan memaparkan aqad tersebut di hadapan skrin komputer dan pembayar bolehlah membaca aqad tersebut dan ia juga diterima sebagai aqad yang sah kerana ada kaedah yang menyebut yang bermaksud tulisan itu dianggap sebagai percakapan di dalam aqad.

5. Perkhidmatan pembayaran zakat menggunakan cara ini diasaskan kepada beberapa qawaid al-fiqhiah antaranya:




i.

Bermaksud : Kesulitan dapat menarik kemudahan.



ii.

Bermaksud : Amal yang mempunyai impak positif yang luas lebih baik daripada amal yang impaknya terbatas.



iii.

Bermaksud : Kebijakan pemimpin terhadap rakyat dikaitan dengan kemaslahatan.

Sekiranya diperhatikan kepada kaedah-kaedah Fiqh tersebut di atas menunjukkan betapa pihak pentadbir zakat wajib mencari cara termudah pembayar untuk menunaikan kewajipan berzakat dan cara ini dirasakan dapat menyelesaikan banyak masalah-masalah yang berkaitan dengan masalah zakat yang mana dengan cara ini juga lebih memudahkan pembayar zakat untuk membayar zakat.